



TERMA & SYARAT PERUNDING PENNAWARIS

Terma & Syarat Perunding PennaWaris ("T&S) ini akan terpakai di antara **PENNAWARIS SDN BHD (No. Syarikat. 202201039930(1485627-W))** ("PennaWaris") dengan anda sebagai perunding PennaWaris.

Anda hendaklah mengesahkan pemahaman dan persetujuan anda kepada perlantikan anda sebagai perunding PennaWaris serta T&S ini dengan:

- (a) mengklik pada butang "*Terima*" atau "*Setuju*" atau apa jua butang yang disediakan menandakan penerimaan anda ("Butang Penerimaan") (jika ianya melalui surat perlantikan sebagai perunding PennaWaris dikeluarkan oleh PennaWaris yang dimuat naik di portal perunding atau Laman Web PennaWaris; seperti didefinisikan di bawah); atau
 - (b) menandatangani surat perlantikan sebagai perunding PennaWaris yang dikeluarkan oleh PennaWaris (jika ianya melalui medium serahan selain daripada di atas);
- mengikut kes yang berlaku.

Anda harus membaca T&S ini dengan teliti sebelum mengklik Butang Penerimaan atau menandatangani surat perlantikan sebagai perunding PennaWaris.

Dengan mengklik Butang Penerimaan atau menandatangani surat perlantikan sebagai perunding PennaWaris, anda telah bersetuju dengan perlantikan anda sebagai perunding PennaWaris.

T&S ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan (i) Notis Privasi dan (ii) Terma & Syarat Laman Web yang dipaparkan di Laman Web PennaWaris. Jika terdapat sebarang percanggahan dan/atau percanggahan antara T&S ini dan dokumen sebelumnya, percanggahan atau percanggahan tersebut hendaklah diselesaikan dengan cara yang paling menguntungkan PennaWaris.

DEFINISI

Bagi tujuan T&S ini:

"Perunding" merujuk kepada anda; perunding yang dilantik oleh PennaWaris;

"PennaWaris" bermaksud Pennawaris Sdn Bhd (No. Syarikat. 202201039930(1485627-W));



“Produk” bermaksud produk perancangan dan pengurusan harta pusaka yang ditawarkan oleh PennaWaris kepada Pelanggan;

“Pelanggan” bermaksud bakal pelanggan dan/atau pelanggan sedia PennaWaris;

“Kontrak” bermaksud kontrak perlantikan Perunding sebagai perunding PennaWaris ini;

“Laman Web PennaWaris” bermaksud laman web rasmi PennaWaris di www.pennawaris.com.my atau mana-mana laman web lain yang digunakan oleh PennaWaris secara rasmi dari semasa ke semasa; dan

“Surat Lantikan” bermaksud surat perlantikan sebagai perunding PennaWaris

1.0 Perlantikan Sebagai Perunding

- 1.1 Pelantikan Perunding sebagai Perunding PennaWaris di bawah Kontrak ini adalah untuk memasar dan mempromosikan Produk kepada Pelanggan-Pelanggan bagi tujuan untuk mendapat langganan perkhidmatan PennaWaris oleh Pelanggan-Pelanggan
- 1.2 Perlantikan ini tidak eksklusif dan PennaWaris berhak untuk melantik atau menggunakan mana-mana pihak lain sebagai ejen, perunding atau apa-apa cara pemasaran dan kuasa promosi lain untuk memasarkan, mempromosikan Produk dan mendapatkan langganan daripada Pelanggan-Pelanggan.

2.0 Wilayah Pemasaran & Promosi

- 2.1 Perunding dibenarkan oleh PennaWaris untuk mempromosikan Produk PennaWaris di dalam Malaysia sahaja.
- 2.2 PennaWaris boleh pada bila-bila menetapkan wilayah pemasaran dan promosi kepada perunding-perundingnya.

3.0 Tempoh Pelantikan

Tempoh pelantikan Perunding adalah **SATU (1) TAHUN** bermula dari tarikh Surat Lantikan dan akan diperbaharui secara tahunan untuk jangkamasa yang sama secara automatik (automatic yearly renewable), melainkan ditamatkan oleh pihak PennaWaris mahupun oleh pihak Perunding secara notis bertulis.



4.0 Promosi Oleh Perunding

- 4.1 PennaWaris boleh membekalkan Perunding dengan bahan pemasaran (marketing kit & tool) (termasuk namun tidak terhad kepada slaid pembentangan pemasaran Produk, brosur risalah Produk, kad perniagaan Perunding dan sebagainya) dan rekacipta dan rekabentuk bahan pemasaran yang dibekalkan oleh PennaWaris (jika ada) hendaklah kekal menjadi hak milik PennaWaris dan Perunding tidak boleh membuat sebarang perubahan, pengolahan atau pengeluaran semula dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran PennaWaris.
- 4.2 Perunding perlu memastikan promosi Produk di sebarang media sosial adalah benar dan tidak mengelirukan. Perunding perlulah merujuk sebarang ketidakpastian berkenaan Produk kepada pihak PennaWaris dari masa ke semasa.
- 4.3 Perunding tidak dibenarkan mereka dan/atau mencipta sebarang bahan promosi dan/atau bahan iklan sendiri menggunakan nama, cap dagang atau Produk PennaWaris. Sebarang bahan promosi dan/atau bahan iklan Produk PennaWaris hanya akan direka dan dikeluarkan oleh PennaWaris.
- 4.4 Di dalam mempromosikan Produk PennaWaris, Perunding tidak boleh menyebabkan apa jua aktiviti promosi atau memulakan apa-apa amalan yang boleh mengelirukan atau memperdaya orang ramai, memfitnah, menyentuh sebarang sensitiviti dan ketidakselesaan kaum, sosial, politik, agama atau apa-apa jenis promosi, amalan dan tindakan yang mungkin memudaratkan nama baik PennaWaris atau ia mungkin mendedahkan sebarang risiko kepada PennaWaris.
- 4.5 Perunding boleh mempromosi Produk PennaWaris di media sosial, namun demikian, Perunding tidak boleh membuka, menubuhkan atau mencipta mana-mana laman sesawang atau akaun/saluran media sosial di atas nama dan cap dagang PennaWaris dan/atau menggunakan nama dan cap dagang PennaWaris tanpa kebenaran bertulis PennaWaris terlebih dahulu.
- 4.6 Perunding tidak boleh mengeluarkan kenyataan rasmi di mana-mana media massa berkenaan dengan PennaWaris tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada PennaWaris terlebih dahulu.
- 4.7 Perunding hendaklah mempromosikan produk PennaWaris berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh PennaWaris dari semasa ke semasa. PennaWaris mempunyai hak untuk menguatkuasakan Kod Amalan Perunding atau dokumen seumpamanya pada bila-bila masa.



- 4.8 Perunding hendaklah mempromosikan produk PennaWaris berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa. PennaWaris tidak sama sekali membenarkan sebarang pelanggaran undang-undang dilakukan oleh Perunding di dalam menjalankan tuntutannya di bawah Kontrak ini.
- 4.9 Perunding dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada PennaWaris untuk menyiaran nama, imej, gambar atau fotograf dan butiran untuk dihubungi Perunding di laman sesawang, media sosial atau mana-mana medium perlu dan munasabah bagi tujuan publisiti, promosi dan pemasaran PennaWaris termasuklah Produk PennaWaris.
- 4.10 Perunding hendaklah memastikan setiap pembayaran yang dibuat oleh Pelanggan PennaWaris untuk langganan Produk dibuat terus kepada akaun bank PennaWaris. Bagi tujuan ini, Perunding tidak dibenarkan sama sekali untuk mengumpul/mengutip sendiri dan menyimpan (termasuklah menggunakan) bayaran yang dibuat oleh Pelanggan PennaWaris.

5.0 Harga Produk PennaWaris

- 5.1 Perunding hendaklah mempromosikan Produk kepada Pelanggan pada harga yang ditetapkan oleh PennaWaris dari semasa ke semasa.
- 5.2 Perunding tidak boleh mengubah, mengubah suai atau menukar harga Produk tanpa kebenaran bertulis PennaWaris.

6.0 Pembayaran Komisyen, Kenaikan Pangkat dan Ganjaran

- 6.1 Tertakluk kepada perlaksanaan tanggungjawab dan jualan Perunding, PennaWaris akan membayar komisyen kepada Perunding berdasarkan kuantiti langganan Produk oleh Pelanggan-Pelanggan yang dirujuk oleh Perunding kepada PennaWaris.
- 6.2 Pembayaran komisyen akan dibuat berdasarkan kepada kadar komisyen terkini dan dikuatkuasakan oleh PennaWaris dari masa ke semasa.
- 6.3 Pembayaran komisyen hanya akan dibuat oleh PennaWaris jika pembayaran penuh diterima oleh PennaWaris untuk langganan Produk oleh Pelanggan-Pelanggan yang dirujuk oleh Perunding.
- 6.4 Pembayaran komisyen akan dibuat pada 30 haribulan setiap bulan melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh PennaWaris.

- 6.5 Perunding berpeluang menerima dan menikmati ganjaran kenaikan pangkat dan ganjaran/faedah lain yang ditawarkan oleh PennaWaris tertakluk kepada pencapaian Perunding.
- 6.6 PennaWaris mempunyai hak untuk menguatkuaskan, mengubah, meminda dan/atau mengubah suai struktur dan/atau kadar komisyen, kempen dan strategi pemasaran dan promosi, cabaran pencapaian (achievement challenge), petunjuk prestasi utama (KPI), jenis pangkat, struktur pangkat dan/atau rangkaian/rantaian perunding dan syarat kenaikan pangkat, ganjaran/faedah dan apa jua bentuk dan jenis ganjaran/faedah pada bila-bila masa dengan menyampaikan notis kepada Perunding.

7.0 Portal Perunding

- 7.1 Perunding boleh diberikan hak tidak eksklusif dan tidak boleh dipindah milik untuk mengakses portal perunding PennaWaris atau sistem yang seumpamanya ("Portal") oleh PennaWaris hanya bagi tujuan berikut:
 - (i) urusan aktiviti sebagai Perunding PennaWaris;
 - (ii) status dan laporan pembayaran komisen; dan
 - (vi) apa-apa fungsi lain yang ditentukan oleh PennaWaris dari semasa ke semasa.
- 7.2 Hak Perunding untuk menggunakan Portal akan terhenti secara automatik sekiranya Kontrak ini ditamatkan atau luput masa.
- 7.3 Perunding tidak boleh menyerahkan, melesenkan atau memindahkan kewajipan dan hak untuk menggunakan dan mengakses Portal kepada mana-mana orang lain tanpa kebenaran bertulis PennaWaris.
- 7.4 Tanpa mengehadkan hak PennaWaris di bawah Kontrak ini, PennaWaris mempunyai hak pada bila-bila masa yang difikirkannya sesuai tanpa menanggung kos dan/atau liabiliti kepada Perunding:
 - (i) untuk mengehadkan akses dan penggunaan Portal oleh Perunding;
 - (ii) untuk membatalkan dan/atau menarik balik hak Perunding untuk menggunakan Portal termasuk menafikan akses Perunding ke Portal;

- (iii) untuk mengubah, mengubah suai, menaik taraf dan/atau menukar fungsi Portal; dan
 - (iv) untuk mengenakan syarat tambahan untuk mengawal penggunaan dan akses Perunding ke Portal.
- 7.5 Terma & Syarat Laman Web seperti di Laman Web PennaWaris akan terpakai ke atas Perunding bagi tujuan akses dan penggunaan Portal tersebut oleh Perunding.

8.0 Harta Intelek

- 8.1 Perunding mengakui pemilikan eksklusif PennaWaris di dalam nama "PennaWaris" itu sendiri, harta intelek milik PennaWaris (termasuklah namun tidak terhad kepada cap dagangan PennaWaris, jenis dan kandungan sebarang dokumen berkaitan Produk, portal perunding dan apa jua harta intelek dimiliki oleh PennaWaris) ("Harta Intelek") yang PennaWaris gunakan berkaitan dengan perniagaannya dan Produk PennaWaris.
- 8.2 Semasa terma pelantikan Perunding sebagai perunding PennaWaris berlangsung, Perunding hanya boleh menggunakan nama PennaWaris dan Harta Intelek PennaWaris hanya untuk tujuan mempromosikan produk PennaWaris dan mengikut arahan yang dikeluarkan oleh PennaWaris dari masa ke semasa; dan penggunaan tersebut terhad setakat tempoh Kontrak ini.
- 8.3 Perunding tidak dibenarkan untuk meniru, meminda, mengubahsuai mana-mana Harta Intelek PennaWaris dan bagi tujuan ini, Perunding juga tidak boleh menyalahgunakan Harta Intelek PennaWaris.
- 8.4 Pada tamat tempoh atau penamatan awal pelantikan ini, Perunding hendaklah dengan serta-merta menghentikan sebarang penggunaan nama PennaWaris dan Harta Intelek PennaWaris serta sebarang gabungan perkataan, reka bentuk, tanda dagangan lain yang akan menunjukkan bahawa Perunding adalah ejen sah PennaWaris.

9.0 Penamatian

- 9.1 PennaWaris boleh menggantung dan/atau menamatkan pelantikan Perunding ini serta-merta melalui notis bertulis, apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut:
 - a) jika Perunding melakukan apa-apa pelanggaran terma pelantikan ini dan gagal untuk membetulkan pelanggaran tersebut dalam masa tiga

puluh (30) hari selepas menerima notis pelanggaran daripada PennaWaris;

- b) jika PennaWaris mengesyaki atau menyedari bahawa:
- (i) Perunding atau wakil sahnya telah terlibat dalam dan/atau telah melakukan sebarang tindakan pengabaian atau menyalahi terma Kontrak ini, penipuan, salah nyata (misrepresentation), mengelirukan, kelakuan jenayah, menipu, kelakuan tidak jujur atau salah laku lain; atau
 - (ii) Perunding telah terlibat dalam apa-apa perbuatan yang pada pendapat PennaWaris; adalah atau boleh memudaratkan imej, nama baik dan kepentingan PennaWaris.
 - (iii) Jika mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa yang sah di Malaysia membuat perintah bahawa Perunding diputuskan muflis atau bankrap atau digulungkan.
- 9.2 Walau apa pun peruntukan di atas, PennaWaris boleh menamatkan pelantikan ini tanpa memberikan sebarang sebab dan tanpa menanggung sebarang liabiliti dalam apa cara sekalipun kepada Perunding dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada Perunding.
- 9.3 Perunding juga boleh menamat perlantikan ini dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada PennaWaris.

10.0 Liabiliti & Indemniti

Perunding hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan PennaWaris tidak akan dikenakan dan/atau disabitkan (hold harmless), dan akan menggantirugi dan membayar balik PennaWaris untuk semua ganti rugi yang PennaWaris dipertanggungjawabkan termasuklah semua kos ditanggung oleh PennaWaris akibat daripada pengabaian dan/atau ketidakpatuhan Perunding akan terma Kontrak ini dan sebarang kerosakan (damage) dan/atau kerugian (loss) akibat daripada perbuatan, kecuaian atau pengabaian Perunding.

Ganti rugi dan kewajipan lain yang terkandung di sini akan kekal walaupun selepas tamat tempoh atau penamatan Kontrak ini.

11.0 Notis

- 11.1 Notis atau komunikasi kepada Perunding boleh dihantar secara kendiri atau melalui surat berdaftar atau melalui penghantaran emel ke alamat pos dan/atau alamat emel terakhir yang diberikan oleh Perunding.
- 11.2 Notis atau komunikasi boleh juga diberi kepada Perunding melalui portal perunding yang disediakan oleh PennaWaris (jika ada) dan/atau di Laman Web PennaWaris
- 11.3 Notis atau komunikasi kepada Perunding adalah dikira diterima oleh Perunding:
 - (a) Jika dihantar secara kendiri, bila ianya dihantar kepada Perunding;
 - (b) Jika dihantar melalui pos berdaftar, dalam masa tiga (3) hari dari dan termasuk tarikh pengeposan;
 - (c) Jika dihantar melalui emel, sebaik sahaja penghantaran berlaku;
 - (d) Jika dihantar ke portal perunding dan/atau Laman Web PennaWaris, sebaik sahaja ianya dipaparkan di dalam portal perunding dan/atau Laman Web PennaWaris.

12.0 Pindaan Terma

PennaWaris mempunyai hak untuk meminda, mengubah, menambah terma perlantikan pada bila-bila masa dan ianya akan sah berkuatkuasa sebaik notis diberikan kepada Perunding.

13.0 Kerahsiaan

- 13.1 Semua Maklumat Sulit yang disampaikan atau diberikan oleh PennaWaris kepada Perunding secara bertulis atau sebarang bentuk media lain sepanjang tempoh Kontrak ini, hendaklah diterima secara rahsia dan, hendaklah digunakan hanya untuk tujuan Kontrak ini, dan tiada maklumat atau data sedemikian akan didedahkan oleh Perunding tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada PennaWaris.
- 13.2 "Maklumat Sulit" dalam Kontrak ini bermaksud semua maklumat dan data yang disampaikan atau dikeluarkan kepada Perunding oleh PennaWaris sama ada secara bertulis atau sebarang bentuk media lain yang turut merangkumi "Data Peribadi" di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.



14.0 Data Peribadi

- 14.1 Tertakluk kepada kewajipan Perunding di bawah Kontrak ini, bila mana Perunding menerima atau memproses sebarang data peribadi (seperti yang ditakrifkan oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) ("PDPA") daripada mana-mana pihak yang timbul daripada pelaksanaan Kontrak ini, ia hendaklah memastikan bahawa ia mematuhi sepenuhnya peruntukan PDPA dan hanya berurusan dengan data untuk memenuhi kewajipannya di bawah Kontrak.
- 14.2 Perunding bersetuju dan memahami bahawa dengan Perunding mengisi data peribadinya dalam borang permohonan sebagai perunding dan menerima pelantikan mengikut peruntukan Kontrak ini, Perunding mengakui bahawa Perunding telah memberikan kebenarannya kepada PennaWaris dan telah mendapat persetujuan kakitangannya di sini. untuk PennaWaris memproses data peribadinya untuk tujuan yang perlu atau berkaitan dengan Kontrak ini berdasarkan PDPA dan Notis Privasi PennaWaris yang boleh didapati di Laman Web PennaWaris.

15.0 Undang-Undang

Kontrak ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak akan merujuk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia untuk penyelesaian pertikaian.

16.0 Masa

Masa, bilamana ianya dinyatakan di dalam Kontrak ini, merupakan intipati kepada Kontrak ini.

Dokumen Tamat

Versi 140524